



---

# **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**2 OKTOBER 2023 (ISNIN)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**2 OKTOBER 2023 (ISNIN)**

# Syed Saddiq 'terjah' pasar raya, kedai

Periksa bekalan beras tempatan, gula dan minyak masak peket di Parlimen Muar

Oleh NOR AZURA MD AMIN

MUAR

**I**su bekalan beras tempatan, gula dan minyak masak peket bersubsidi tidak mencukupi di pasaran mendorong Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman melakukan pemeriksaan di empat buah pasar raya dan kedai di kawasan Parlimennya.

Menerusi video berdurasi 1 minit 27 saat yang dimuat naik di Facebook rasminya, Presiden Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) itu melakukan pemeriksaan bersama anggota penguasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Dalam rakaman itu, Syed Saddiq bertanya peruncit mengenai minyak masak peket bersubsidi dan menggesa bekalan tersebut dikeluarkan untuk dibeli pengguna.

Selain itu, Syed Saddiq turut bertanya mengenai bekalan beras tempatan yang kemudiannya diberitahu bekalan sampai 'sikit-sikit', harga sudah naik dan kali terakhir bekalan 'ada' pada bulan lepas.

"Bekalan memang tidak mencukupi, satu bulan rakyat tunggu. Kalau yang dah dibekalkan, jangan sembunyikan. Kesian rakyat teruk terkesan dengan kenaikan kos sara hidup."

"Pembekalan beras tempatan, minyak peket dan gula kasar perlu diperbaiki. *Triple threat* jika beras, gula dan minyak masak naik harga, rakyat sengsara," tulisnya.

Syed Saddiq turut memberitahu akan mengusur surat kepada menteri terlibat untuk mengadakan Jualan Rahmah di Parlimen Muar sebagai penyelesaian jangka pendek.

Bagaimanapun, beliau dimaklumkan Jualan Rahmah diadakan di Tangkak yang berada di luar Parlimen Muar selain lokasinya yang agak jauh.

"Cuma masalahnya Jualan Rahmah ini sangat jauh, orang suka pergi ke pasar raya kerana berdekatan dengan rumah."

"Jualan ini, lebih-lebih lagi Muar ini panjang. Saya



Syed Saddiq bersama anggota KPDN melakukan pemeriksaan bekalan beras tempatan, gula dan minyak masak peket di pasar raya dan kedai runcit di Parlimen Muar.

dimaklumkan ia diadakan di Tangkak. Tangkak ini luar Parlimen Muar. Kalau orang Sungai Balang nak pergi Tangkak dia boleh makan masa sejam, ada yang sejam setengah.

"Jadi orang 'bakar' minyak atau duit pengangkutan itu lagi mahal daripada kos subsidinya. Sebab itu tidak adil untuk kita hanya menyukat menggunakan Jualan Rahmah kerana orang nak beras atau minyak peket ini ada di pasar raya yang lebih dekat," ujarnya.



---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

**2 OKTOBER 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 OKTOBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-Oct	Ada ID baru boleh beli minyak masak peket - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/281918">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/281918</a>	SH
2-Oct	Panic trend abated, local rice stocks in market back to normal, says deputy agriculture minister	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/10/01/panic-trend-abated-local-rice-stocks-in-market-back-to-normal-says-deputy-agriculture-minister/93837">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/10/01/panic-trend-abated-local-rice-stocks-in-market-back-to-normal-says-deputy-agriculture-minister/93837</a>	MALAYMAIL
2-Oct	Bekalan beras putih tempatan di pasaran kembali stabil	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2230527">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2230527</a>	BERNAMA
2-Oct	Panic trend abated, local rice stocks in market back to normal, says deputy agriculture minister	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2230572">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2230572</a>	BERNAMA